

→ WILAYAH

Masjid UMP manfaat teknologi hijau, mesra alam



(FOTO IHSAN DARI UMP)

Daing Nasir menunjukkan lakaran kompleks Masjid Universiti Malaysia Pahang, kampus Pekan yang akan dirasmikan Perdana Menteri Sabtu ini.

➔ Kerajaan lulus peruntukan RM20 juta bina kompleks mercu tanda Pekan

Oleh Nurul Nadira Shaari
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Kompleks Masjid Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menjadi mercu tanda baharu bagi institusi pengajian tinggi (IPT) itu secara khususnya dan bandar Diraja Pekan secara amnya.

Pembinaan kompleks yang turut menempatkan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) universiti itu turut dilengkapi pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat, Dewan seminar, bilik kuliah, perpustakaan dan kemudahan lain.

Naib Canselormya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahima, ber-

kata pemilihan lokasi pembinaan kompleks berhampiran tasik UMP Kampus Pekan itu juga dapat memberikan ketenangan kepada tetamu dan pelawat yang bakal berkunjung serta menggunakan kemudahan itu apabila siap kelak.

"Tapak masjid ini secara keseluruhannya berkeluasannya 3 hektar dan reka bentuknya memberi ketumpuan kepada ciri mesra alam dengan aplikasi teknologi hijau terkini.

"Kita berterima kasih kepada kerajaan yang sudah meluluskan peruntukan berjumlah RM20 juta bagi pembinaan masjid ini dan warga kerja UMP serta pelajar sedang berusaha mendapatkan dana tambahan bagi tujuan pembinaan menara masjid berkenaan," katanya.

Mengulas mengenai reka bentuk kompleks masjid berkenaan, Daing Nasir berkata, seni binanya bercorak sirip dengan mengambil kira arah aliran angin dan pengudaraan yang dapat menyejukkan ruang solat serta mampu memuatkan sehingga 3,500 orang pada satu masa.

Konsep Islamik

Katanya, konsep Islamik dengan menerapkan elemen tempatan juga dapat dilihat pada rekaan bumbung serta pencahayaan semula jadi.

"Selain menumpukan kepada ruang ibadat yang selesa... kita juga akan menyediakan ruangan khusus bagi pembangunan sosioekonomi... kita akan sediakan kiosk

yang akan ditawarkan kepada pihak yang berminat dan ia boleh meningkatkan dana masjid itu yang dijangka siap dalam masa dua tahun," katanya.

Beliau berkata, UMP turut memberi peluang kepada orang ramai yang ingin menyumbang kepada dana pembinaan kompleks (masjid) ini mengkreditkan terus (sumbangan) ke nombor akaun 5562 35310493 (MAYBANK) atas nama Bendahari Universiti Malaysia Pahang (masjid) atau terus ke laman sesawang nygift.ump.edu.my.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dijangka menyempurnakan Majlis Pelancaran Pembinaan Kompleks Masjid UMP dan Majlis Meraiikan Syawal Bersama Warga UMP esok.